

**Dr Mahathir Rasmi Persidangan Al-Muntada Al-Islami
Bernama
12 Februari , 2012**

PUTRAJAYA, 12 Feb (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan multaq kesembilan Al-Muntada Al-Islami 2012 di sini esok.

Beliau dijangka menyampaikan ucap tama bertajuk 'Good Governance, Viable Investment Climate, Sound Philosophy' di persidangan tiga hari itu.

Dalam kenyataan di sini hari ini, Pengerusi Amanah Al-Muntada Al-Islami, Khalid Al-Fawaz berkata tujuan persidangan itu ialah bagi menilai semula semua kegiatan Al-Muntada sejak penubuhannya 26 tahun yang lalu.

Katanya, selain itu anggota Al-Muntada, yang kini terlibat dalam pelbagai perniagaan dan pelaburan, sedang mencari peluang baru perniagaan dan usahasama jangka panjang di Malaysia.

Kira-kira 80 perwakilan asing termasuk 28 pelabur dari Arab Saudi, Qatar, United Kingdom (UK), Sudan dan Mesir akan hadir.

Mereka terdiri antara lain daripada sektor hartanah, pembinaan, pembangunan hartanah, perdagangan, penjagaan kesihatan, minyak dan gas serta pengangkutan.

Persidangan itu dianjurkan Al-Muntada, dengan kerjasama Kumpulan Penasihat IFP Malaysia, yang mulai hari ini menjalankan program mencari rakan niaga yang sepadan.

Badan Amanah Al-Muntada Al-Islami, sebuah pertubuhan bebas ditubuhkan di UK pada asalnya bertujuan memenuhi keperluan komuniti tempatan dan kini mempunyai beberapa pusat kegiatan di beberapa tempat di seluruh dunia.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645112>